

0781

B B521 AAB

LEAD MAHATHIR - POLIS

KOTA KINABALU, 24 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEADAAN DARURAT TIDAK AKAN DIIYSTIHARKAN DI SABAH KERANA KEADAAN ADALAH TERKAWAL.

MENURUTNYA, POLIS YAKIN MEREKA BOLEH MENGAWAL KESELAMATAN TANPA APA-APA KUASA ISTIMEWA DAN DENGAN KUASA YANG ADA PADA MEREKA SEKARANG PUN MEREKA BOLEH MENGAWAL KESELAMATAN.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KOTA KINABALU DI SINI PETANG INI, BELIAU BERKATA POLIS BERPENDAPAT SABAH TIDAK AKAN TERANCAM DENGAN TINDAKAN YANG TIDAK BERTANGGUNJAWAB.

+ WALAUPUN KITA ADA UNDANG-UNDANG, PENGUATKUASAANNYA TIDAK BERMAKNA KEJADIAN JENAYAH TIDAK AKAN BERLAKU SAMA SEKALI, MUNGKIN ADA KEGIATAN-KEGIATAN JENAYAH JUGA,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MELAWAT SEHARI KE SINI DAN MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI KEADAAN DI SABAH BERIKUTAN TUNJUK-YUNJUK PERASAAN DAN RUSUHAN SEJAK 12 MAC LEPAS JUGA TELAH BERBINCANG DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN TIGA BUAH PARTI UTAMA DI SABAH. -- LAGI
1923MST 24 03 86

0983

B B522 AAB

LEAD MAHATHIR - POLIS 2 KOTA KINABALU

KETIKA MENGULAS KEJADIAN-KEJADIAN ITU, BELIAU BERKATA IA AMAT MENGECEWAKAN DAN TIDAK SEHARUSNYA BERLAKU DI NEGERI INI.

+ KEJADIAN ITU TELAH MENCEMARAKAN NAMA BAIK NEGARA,+ KATANYA.

APABILA DIMINTA MENGULAS MENGENAI PEMBABITAN RAKYAT-RAKYAT ASING DALAM KEJADIAN-KEJADIAN TERSEBUT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH JELAS RAMAI ANTARA MEREKA YANG TERBABIT.

+ SETENGAH-SETENGAH MEREKA DI SINI DENGAN PERMIT KERJA. MEREKA YANG TIADA PERMIT KERJA DAN TIADA DOKUMEN AKAN DIHANTAR PULANG,+ TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- BERNAMA
1926MST 24 03 86